

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Elak kamera web digodam

BAGAIMANAKAH langkah yang boleh diambil untuk mengelak sesebuah kamera web ini digodam?

- MIN, KUCHING.

BEBERAPA langkah awal boleh diambil oleh pengguna untuk melindungi kamera web yang ada daripada dicapai dan digunakan secara tidak sah oleh penggodam. Jadi, dibincangkan seterusnya langkah-langkah tersebut.

1 Semak konfigurasi keselamatan kamera web yang digunakan dan ubah kata laluan yang digunakan. Penggunaan kata laluan yang kuat dan kental sangat kritikal dan perlu digunakan dalam kamera web. Buang mana-mana log masuk dan kata laluan lalai yang sedia ada dalam sistem kamera web tersebut. Konfigurasi keselamatan yang selamat dan betul dibuat pada sistem kamera web dengan merujuk kepada buku manual pengguna ketika proses pemasangannya. Sekiranya perlu, gunakan mana-mana aplikasi yang boleh memberi maklum sekiranya terdapat penggunaan kamera web secara tidak sah.

2 Sentiasa membuat kemas kini pada perisian tegar (firmware) untuk sistem kamera web yang digunakan. Tindakan ini berupaya menutup mana-mana kekurangan atau ralat yang wujud sedia ada dalam sistem kamera web. Kelemahan ini boleh dimanipulasi oleh penggodam untuk mencerooboh masuk menggunakan kamera web pengguna secara tidak sah.

3 Sentiasa membuat pengimbasan terhadap kamera web secara berkala dan kerap. Pengimbasan yang dibuat bukan sahaja untuk melihat kehadiran Malware tetapi melihat apa-apa aktiviti yang berlaku dan lalu lintas rangkaian yang masuk dan keluar daripada sistem kamera web yang digunakan. Pastikan semua maklumat yang diperolehi adalah perkara normal dan tulen. Sekiranya tidak, ia sebagai tanda kamera web telah digodam dan perlu diambil tindakan yang sewajarnya.

4 Penggunaan perisian keselamatan rangkaian dan internet terutama perisian tembok api atau firewall. Perisian tembok api ini berupaya memantau apa-apa fail yang diterima dan menghalang apa sahaja aktiviti pencerobohan yang berlaku.

5 Cara yang paling naif adalah dengan menutup terus penggunaan kamera web ini. Sama ada dengan cara fizikal seperti mencabut terus kamera tersebut atau dengan menutup lensa kamera tersebut dengan sesuatu. Boleh juga dinyah aktifkan penggunaannya dalam komputer.